

Annan minta KL atur dialog agama

BH-13/7/2007

Oleh Abdul Halim Yusoff


KUALA LUMPUR: Malaysia yang berkembang pesat dan maju walaupun mengamalkan sistem berbilang agama, boleh memainkan peranan mengatur dialog antara agama, kata bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan.

Beliau berkata, dialog itu penting kerana masyarakat antarabangsa sekarang hidup dalam dunia yang semakin berbahaya kerana penduduknya dipecahkan perbezaan kepercayaan agama.

“Malaysia boleh membantu menunjukkan wajah berbeza kepada dunia, iaitu suatu tempat yang masyarakat berbilang kaum dan agama hidup aman serta sama-sama membangunkan negara,” katanya pada Siri Ceramah Global Khazanah, iaitu sebahagian program Khazanah Merdeka Series yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini, malam tadi.

Annan dalam ucapannya menggariskan beberapa langkah penting yang boleh dilakukan Malaysia untuk berkongsi kejayaan dan kemakmurannya dengan penduduk dunia.

Mengulas lanjut, Annan berkata, Malaysia menyediakan kepada dunia



PERKUKUH HUBUNGAN: Annan berbual bersama Abdullah dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah selepas Siri Ceramah Global Khazanah, di Kuala Lumpur, malam tadi.

model unik bagaimana komuniti berbilang bangsa dan agama hidup dengan harmoni, sedangkan struktur masyarakat sama di Afrika, Eropah dan Asia sentiasa dalam konflik.

“Di Malaysia, sempadan agama, budaya dan bahasa dilindungi, bu-

kannya diancam, hak politik dibekalkan dan kontrak sosial sama-sama dirundingkan, sekali gus menjadi resipi mengelakkan konflik,” katanya.

Sehubungan itu, Annan berkata, Malaysia perlu berkongsi kejayaan dengan negara kurang membangun.

Katanya, kejayaan pembangunan ekonomi dan tadbir urus politik Malaysia menjadikannya dalam kedudukan yang sesuai membantu negara Afrika membangunkan ekonomi mereka menerusi kerjasama Selatan-Selatan yang lebih rapat.

BERNAMA